

LELAKI RENTAS LAUTAN UNTUK KUTIP DANA

1,000 paus iringi pendayung Atlantik

HM 1577/24 MS 27

Agensi

London

Lebih 1,000 ikan paus mengiringi seorang lelaki yang mendayung secara solo merentasi Lautan Atlantik untuk program kutipan sumbangan sebuah badan amal.

Metro UK melaporkan Tom Waddington seorang jurulatih ski membuat pengembaraan di lautan lebih 2,000 kilometer (km) dari Newfoundland ke Penzance bersendirian bagi mengumpul wang untuk sebuah badan amal kesihatan mental, Mind.

Sebuah video yang dimuat naik ke akaun Instagramnya sebagai mendokumentasikan perjalanan itu menunjukkan dia disertai sekumpulan ikan paus.

"Ini sangat menakjubkan. Sungguh istimewa. Saya sukakannya, tetapi saya takut mereka (paus) akan terlanggar kemudi," katanya dalam video.

Tidak lama selepas menyatakan kebimbangannya, berlaku pelanggaran di



ANTARA ikan paus yang mengiringi Tom Waddington yang mendayung secara solo merentasi Lautan Atlantik. - FOTO Agensi

tepi botnya namun kemudi itu kekal utuh membolehkan Waddington meneruskan perjalanannya.

Menggambarkan perte-

muan dengan sekumpulan paus selepas itu, dia berkata: "Mereka hanya bermain dan pergi ke bawah bot dan saya sedang me-

rakam video."

Selepas kira-kira dua jam, ikan paus berenang, meninggalkan Waddington apa yang disifatkannya sebagai 'adrenalin yang didorong oleh ikan paus' untuk sepanjang pelayarannya.

"Akhirnya, mereka meninggalkan saya sendirian," katanya dalam catatan di Instagram.

**"Ini sangat menakjubkan.
Sungguh istimewa. Saya sukakannya,
tetapi saya takut mereka (paus)
akan terlanggar kemudi"**

Tom Waddington